



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS RIANG RIA AIDILFITRI KPWKM 2016
KPWKM, PUTRAJAYA**

**PADA
25 JULAI 2016 (ISNIN)**

PEMBUKAAN UCAPAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam 1Malaysia dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya, kita dapat bertemu di sini dalam Majlis Riang Ria Aidilfitri KPWKM 2016. Hari Raya Aidilfitri merupakan satu kemenangan kepada seluruh umat Islam dalam menahan lapar dan dahaga di samping meningkatkan amal ibadat sepanjang sebulan menunaikan ibadah puasa.
2. Saya amat berbesar hati dan gembira kerana dapat meraikan Majlis ini bersama-sama dengan hadirin sekalian. Di kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran para jemputan kita yang terdiri daripada kumpulan sasar Kementerian dan rakan-rakan strategik kementerian yang selama ini memberi sokongan penuh dan kerjasama padu terhadap Kementerian ini. Sesungguhnya majlis seumpama ini amat bermakna kerana ia mengumpulkan semua pihak yang berganding bahu dalam memberikan perkhidmatan dan sokongan

sosial terbaik kepada kumpulan sasar yang memerlukan bersama-sama dengan warga KPWKM.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

RIANG RIA AIDILFITRI

3. Ketibaan Aidilfitri sememangnya dinanti-nantikan oleh segenap lapisan masyarakat di negara kita, tanpa mengira kaum, agama, latar belakang ekonomi dan status sosial. Kemeriahan Aidilfitri dan juga perayaan-perayaan lain seperti Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas yang diraikan bersama-sama dapat menyuburkan semangat perpaduan di mana persamaan ditonjolkan dan kepelbagaian yang ada diraikan. Konsep rumah terbuka yang diadakan sempena sambutan setiap perayaan telah mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum. Keistimewaan ini harus kita banggakan dan tradisi amalan rumah terbuka perlu diteruskan dalam menyatukan dan menguatkan ikatan kemasyarakatan.

4. Sambutan Aidilfitri begitu sinonim dengan suasana di mana kita semua bersama-sama ahli keluarga tercinta, saudara-mara, rakan-taulan, jiran tetangga dan masyarakat setempat dapat berkumpul, kunjung-mengunjungi, bermaaf-maafan, mengeratkan hubungan serta membuka lembaran baru. Saya percaya ketibaan Aidilfitri adalah satu simbolik kemenangan bersama iaitu kemenangan individu dalam menyempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadhan dan kemenangan

semua dalam menyatukan ahli keluarga dan ahli masyarakat. Kemeriahan dan keriangian Aidilfitri akan lebih bermakna apabila dikongsi dengan mereka yang memerlukan bantuan dan serba kekurangan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya termasuk OKU kanak-kanak dan warga emas. Adalah besar harapan saya agar sambutan majlis Aidilfitri akan membuka ruang yang luas untuk kita memupuk nilai-nilai keprihatinan, saling menghormati dan menyayangi serta berkongsi kegembiraan dan kemajuan yang dikecapi bersama-sama dengan insan yang memerlukan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

'KELUARGA BAHAGIA, NEGARA SEJAHTERA'

5. Kemelut rumah tangga yang melanda masyarakat masa kini amat membimbangkan. Kes keruntuhan rumah tangga yang meningkat, masalah penderaan anak-anak dan isteri, masalah pembuangan bayi, pergaduhan suami isteri, dan banyak lagi masalah yang berkait rapat dengan keluarga dan perkahwinan menyebabkan masyarakat berdepan dengan masalah keruntuhan institusi kekeluargaan yang semakin serius. Oleh yang demikian, sambutan perayaan seperti kunjungan di rumah terbuka yang diadakan pada bulan Syawal menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim dan membina semula institusi kekeluargaan dalam kalangan masyarakat.

6. Kemeriahan sambutan apa jua perayaan termasuklah Hari Raya Aidil Fitri berkait rapat dengan keluarga. Ia dizahirkan apabila kesemua ahli keluarga berkumpul, saling ziarah menziarahi sambil menikmati pelbagai juadah istimewa yang dihidangkan. Perayaan mengumpulkan kesemua ahli keluarga agar dapat bertanya khabar sambil mengeratkan hubungan kekeluargaan yang terpisah kerana tuntutan kerjaya dan sebagainya. Semangat dan nilai kekeluargaan ini seharusnya diterapkan semula di semua lapisan masyarakat terutamanya di kalangan warga kerja KPWKM. Semangat kekeluargaan sewajarnya dihidupkan dari sehari ke sehari dan bukan sewaktu hari perayaan sahaja.

7. Dalam hal ini juga, kejayaan individu dan sesebuah masyarakat tersebut tidak dapat tidak adalah bertunjangkan sokongan institusi keluarga. Keluarga berperanan untuk menerapkan nilai budaya dan agama agar tidak dilupakan. Oleh itu, KPWKM dengan menggunakan *tagline* 'Keluarga Bahagia, Negara Sejahtera' meletakkan asas kebahagiaan keluarga sebagai komponen terpenting dalam membentuk negara sejahtera. Ia selaras dengan penekanan RMK-11 yang bermatlamat untuk meningkatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga yang diukur berdasarkan kepada dua puluh tiga (23) indikator di bawah tujuh (7) domain, iaitu antaranya ialah hubungan kekeluargaan, kesihatan dan keselamatan keluarga serta keluarga dan komuniti.

8. Keluarga berperanan untuk menerapkan nilai budaya dan agama agar tidak dilupakan. Justeru, dalam suasana kehidupan yang semakin kompleks dan mencabar dewasa ini, adalah sangat penting institusi kekeluargaan itu diperkukuhkan lagi dengan kemahiran tertentu agar setiap ahli keluarga tersebut lebih memahami fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Ibu bapa bukan sekadar memainkan peranan sebagai ketua keluarga yang menyediakan keperluan asas, malahan juga berperanan sebagai guru, pendidik, rakan dan pembimbing kepada anak-anak, yang bakal meneruskan kesinambungan susur galur sesebuah keluarga tersebut.

PENUTUP

9. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada pagi ini. Justeru, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama memeriahkan majlis pada pagi ini dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Riang Ria Aidilfitri KPWKM 2016.
10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Terimalah serangkap pantun daripada saya:

Aildil Fitri Hari Kemaafan

Menghapus Kesalahan Di Kalangan Taulan

Memupuk Perpaduan Sesama Insan
Mengikat Erat Tali Keakraban

Sekian, terima kasih. *Wabillahittaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*